

# Program pembestarian sekolah mulai bulan ini

BH- 3/4/2007

**P**UTRAJAYA: Kementerian Pelajaran akan melaksanakan program pembestarian sekolah dan pemantapan serta penjenamaan semula 88 sekolah bestari di seluruh negara bulan ini.

Ia bagi merealisasikan teras ketiga Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010, iaitu memperkasa sekolah kebangsaan, kata Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Beliau berkata, Kementerian Pelajaran akan menjelaskan program itu kepada orang ramai, termasuk tahap pelaksanaan, kejayaan yang dicapai dan kekangan yang dihadapi sejak dimulakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Kementerian juga menerangkan langkah yang hendak diambil atau penambahan yang perlu dilakukan sepanjang RMK-9 bagi memastikan matlamatnya dicapai," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, program pembestarian sekolah adalah proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru.

Katanya, program pembestarian sekolah membabitkan usaha melengkapkan semua sekolah awam dengan infrastruktur, perkakasan, perisian dan aplikasi, latihan guru serta program pengurusan perubahan bersesuaian dan mencukupi.

Beliau berkata, dalam program pembestarian sekolah, semua inisiatif ICT utama, iaitu makmal komputer dan pengkomputeran sekolah, sekolah bestari, program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), akses internet jalur lebar School-Net, pembangunan perisian kursus, pusat askes dan

TV Pendidikan akan diselaraskan.

Hishammuddin berkata, Kementerian dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDEC) memberi perhatian lebih khusus kepada 88 sekolah bestari bagi melonjakkan keupayaannya melalui usaha pemantapan dan penjenamaan semula.

"Ini penting supaya sekolah terbabit dijadikan model dan penanda aras terhadap usaha membestarikan semua 10,000 sekolah selain dijadikan rujukan masyarakat dunia," katanya.

Hishammuddin berkata, bagi mencapai matlamat itu kementerian menganjurkan Pameran Kejayaan Sistem Pendidikan Negara di Ibu Pejabat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (Unesco), di Paris mulai semalam dan Persidangan Antarabangsa Sekolah Bestari pada 16 April depan.

"Kita juga akan melancarkan kerjasama pintar dengan pihak luar dalam program pembestarian sekolah pada 24 April ini," katanya.